

Penstrukturan subsidi minyak terpaksa dilakukan

KUALA LUMPUR 23 Jun - Penstrukturan semula sistem subsidi minyak dan gas yang dilaksanakan oleh kerajaan merupakan langkah pelopor ke arah sistem yang lebih efisien serta efektif bagi mengelakkan risiko kemelesetan ekonomi negara. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shahrir Samad berkata, kerajaan sebenarnya keberatan untuk melaksanakan penstrukturan semula sistem subsidi itu kerana ia tidak popular.

"Risiko kemelesetan ekonomi adalah tinggi, oleh itu adalah lebih baik kerajaan bersedia menghadapi kemungkinan ini dengan mengukuhkan pengurusan fiskal kerajaan.

"Ini juga bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal teguh dalam mengharungi cabaran global kelak terutama berikutan masalah Amerika Syarikat (AS) yang masih dibelenggu krisis subprima dan diramal akan mengalami kemelesatan ekonomi tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mem-

benangkan usul menstruktur semula subsidi bagi meringankan beban rakyat ekon kenaikan harga minyak pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Penstrukturan semula sistem subsidi minyak di pam dan gas telah diperkenalkan pada 4 Jun lepas dengan harga petrol dinaikkan sebanyak 78 sen kepada RM2.70 selitar, manakala harga diesel dinaikkan sebanyak RM1 kepada RM2.58 selitar.

Kerajaan memperkenalkan pampasan tunai bagi meringankan beban rakyat berikutan kenaikan harga minyak itu sebanyak RM625 bagi kereta persendirian kurang daripada 2000cc, pikap dan pacuan empat roda yang berkuasa 250cc ke bawah dan RM150 setahun bagi motosikal persendirian.

Shahrir memberitahu, tahap subsidi yang tinggi memberi gambaran daya saing palsu untuk sektor komersial dan industri kerana kos pengeluaran serta perkhidmatan pada tahap yang rendah daripada harga pasaran.

Tambah beliau, pemberian subsidi yang

berterusan akan mengurangkan keupayaan kerajaan untuk menggunakan hasil kewangan bagi menampung keperluan yang lebih penting.

Jelasnya, kerajaan perlu menggunakan hasil kewangan bagi menampung keperluan yang lebih penting seperti pendidikan, kesihatan, perumahan rakyat, keselamatan dan pembangunan luar bandar.

"Hasil kewangan ini juga untuk memberi bantuan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah," katanya.

Tambahnya, tindakan ini juga akan diputarbelitkan oleh pelbagai pihak untuk tujuan tersendiri.

"Namun demi masa depan negara, kerajaan tidak ada alternatif selain menstruktur semula sistem subsidi minyak dan gas," katanya.

Shahrir menegaskan, kerajaan menyedari serta memahami dengan mendalam kesemua isu serta impak kenaikan harga petroleum serta barangan dan kesannya terhadap masyarakat.

Beliau berkata, sekiranya sistem subsidi tidak distruktur semula tahap defisit kerajaan akan melambung kepada enam peratus tahun ini.

Jelasnya, sebanyak 95 peratus kenderaan persendirian yang membabitkan 6.1 juta kereta berkuasa 2000cc ke bawah serta tujuh juta motosikal berkuasa 250cc ke bawah mendapat pampasan tunai berikutan penstrukturan semula sistem subsidi minyak.

Shahrir memberitahu, sistem subsidi ini adalah lebih adil dan saksama kerana kesemua yang layak mendapat pampasan tunai yang sama.

"Kenderaan berkapasiti 2000cc ke atas dan motosikal berkapasiti 250cc ke atas yang majoritinya digunakan golongan yang lebih berada tidak layak untuk mendapat pampasan tunai.

"Sistem subsidi ini menjurus kepada usaha untuk menjamin kesejahteraan dan taraf hidup golongan berpendapatan rendah dan sederhana," katanya.